



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***CABARAN DAN PENCAPAIAN ASEAN SEBAGAI
SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU***

MOHAMED IRWAN MANSOR

FEM 2018 13



**CABARAN DAN PENCAPAIAN ASEAN SEBAGAI
SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU**

Oleh

MOHAMED IRWAN MANSOR



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains

Disember 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**CABARAN DAN PENCAPAIAN ASEAN SEBAGAI
SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU**

Oleh

MOHAMED IRWAN MANSOR


Disember 2017

Pengerusi: Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Tesis ini mengkaji ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Fokus kajiananya adalah kepada tiga aspek utama, iaitu membincangkan faktor penubuhan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau, menganalisis cabaran dan masalah yang dihadapinya dan menilai pencapaiannya sebagai sebuah pertubuhan serantau. Dalam menjawab persoalan ini, konsep kerjasama serantau digunakan sebagai alat analisis dengan datanya dikutip dari sumber sekunder. Data sekunder diperolehi dari buku, jurnal, akhbar dan juga laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data ini dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian mendapat faktor penubuhan ASEAN adalah untuk mengatasi tiga masalah utama pada waktu itu, iaitu konfrantasi Malaysia dan Indonesia, tuntutan Filipina ke atas Sabah, dan ancaman komunis di Asia Tenggara. Dari segi cabaran yang dihadapi oleh ASEAN pula, hasil kajian mendapat masalah utama ASEAN ialah kuasanya yang terhad. Ini kerana negara anggota ASEAN terikat dengan piagam ASEAN dan dasar ZOPFAN yang melarang negara anggotanya mencampuri hal ehwal negara lain. Keadaan ini menyebabkan ASEAN gagal menangani isu Rohingya kerana terikat dengan isi kandungan Piagam ASEAN. Masalah seterusnya ialah sikap negara anggota yang tidak hormat kepada keputusan ASEAN seperti dalam tindakan Thailand menolak keputusan ASEAN berhubung dengan kes tuntutan bertindih Kuil Preah Vihear bersama Kemboja. Keadaan ini menyebabkan ASEAN gagal menyelesaikan tuntutan antara dua negara anggotanya. Dalam isu tuntutan bertindih pula, negara anggota ASEAN menolak tawaran ASEAN untuk menyelesaiannya, sebaliknya memilih ICJ sebagai badan penyelesaiannya. Dari segi pencapaian pula, hasil kajian mendapat ASEAN telah mencapai beberapa kejayaan. Antaranya ialah menyelesaikan beberapa konflik di antara sesama negara anggota seperti kes penaklukan tentera Vietnam ke atas Kemboja, meningkatkan hubungan perdagangan sesama negara anggota,

meningkatkan kerjasama dalam berkongsi maklumat risikan dan lainnya. Akhir sekali tesis ini mendapati langkah ASEAN membentuk ASEAN Economic Community (AEC) adalah pencapaian terbesarnya. Walaupun kejayaan ini belum lagi setaraf dengan kemampuan rantau Eropah yang telah berjaya membentuk Kesatuan Eropah (EU), namun kewujudan AEC menunjukkan ASEAN terus komited dalam menjalinkan kerjasama yang erat untuk terus maju sebagai sebuah badan pertubuhan serantau. Pencapaian ini adalah hasil dari semangat kerjasama dan saling mempercayai, sikap diplomasi, tolak ansur dan perundingan antara sesama negara anggota.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**CHALLENGES AND ACHIEVEMENTS OF ASEAN AS
A REGIONAL ORGANIZATION**

By


MOHAMED IRWAN MANSOR

December 2017

Chairman: Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Faculty: Human Ecology

This thesis examines ASEAN and focusses on three main aspects, namely discussing the factors of ASEAN's establishment as a regional organization, analyzing the challenges they face and assessing its achievements as a regional organization. In answering these questions, the concept of regional cooperation is used as a tool of analysis. This study used secondary data obtained from books, journals, newspapers and web sites related to the topic of the study. These data were analyzed qualitatively. The study found that the establishment of ASEAN is to overcome the three major problems faced by the Southeast Asian region at the time, namely the confrontation between Malaysia and Indonesia, the Philippines claim to Sabah, and the threat of communism in Southeast Asia. The study found that the issues and challenges faced by ASEAN were caused by its limited powers. This is because the ASEAN charter and the policy of ZOPFAN prohibits the member states from interfering in the affairs of its member countries. This resulted in the failure of ASEAN to address the Rohingya issue because ASEAN was tied to its charter. Another problem is the attitude of member states which do not respect the decision of ASEAN as in the case of ASEAN decision to reject Thailand's claims over the overlapping disputes with Cambodia on the Temple of Preah Vihear. This resulted in ASEAN failing to resolve the claim between the two member states. In the overlapping claims, the member countries rejected ASEAN offer to settle the disputes, but instead chose ICJ as a body to settle the disputes. In terms of achievements, the results showed that ASEAN has achieved some successes. Among them, ASEAN managed to resolve conflicts between member states as is the case of Vietnam conquest over Cambodia, enhanced trade relations among member countries, enhanced cooperation in sharing intelligence and others. Finally, this thesis found that the establishment of ASEAN Economic Community (AEC) is ASEAN's biggest achievement. Even though this success cannot commensurate the ability of the European region to establish a European Union (EU), but the existence of the AEC shows that ASEAN remains committed to its cooperation to move

forward as a regional organizational body. In the final analysis, this study shows that all of ASEAN achievements were the result of a spirit of cooperation and mutual trust, the attitude of diplomacy, compromise and negotiation among member countries.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah yang Maha Besar kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini dapat juga disiapkan. Tentunya tesis ini dapat diselesaikan setelah saya mendapat bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan dari banyak pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Pertama, terima kasih tidak terhingga kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib dan Prof. Dr Jayum Jawan yang telah membimbing penyelidikan ini. Saya cukup terhutang budi dengan kegigihan dan ketabahan mereka meneliti tesis saya, memberi saranan pembetulan demi pembetulan, membaca tulisan saya perkataan demi perkataan sehingga akhirnya penyelidikan tesis ini dapat diselesaikan.

Kedua, terima kasih saya ucapan kepada majikan saya, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas sokongan yang diberikan untuk saya menyiapkan pengajian ini. Walaupun saya mempunyai banyak tugas pejabat yang perlu diselesaikan, beliau tetap memberikan ruang kepada saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih ini saya tujuhan kepada rakan-rakan sepejabat atas sokongan, dokongan dan semangat yang diberikan kepada saya supaya tabah menghadapi tekanan pengajian ini.

Ketiga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak di Universiti Putra Malaysia di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya. Sesungguhnya saya bangga diberi kesempatan untuk menimba ilmu di universiti yang hebat ini. Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujuhan kepada rakan sepengajian dan semua pihak yang terlibat dalam membantu saya menyelesaikan pengajian ini. Segala bantuan dan dokongan yang diberikan amat dihargai dan besar ertiannya kepada diri saya.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan penuh kasih saya ucapan kepada isteri dan anak-anak yang selalu memberi dorongan kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Buat bonda, terima kasih tidak terhingga atas kasih sayang dan jagaan bonda sehingga anakanda menjadi seperti mana anakanda hari ini. Moga bonda terus sihat dan di bawah lindungan Allah selalu.

Walaupun banyak pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan kepada tesis ini, sekiranya terdapat kelemahan, maka saya bertanggungjawab di atas kekurangan itu. Kepada Allah jualah saya kembali semua urusan. Ameen.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jayum Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohamed Irwan Mansor, GS36275

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

Tandatangan:

Nama Ahli Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Dr. Jayum Jawan

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Konsep Pertubuhan Serantau	5
1.6 Sorotan Kajian Lepas	9
1.6.1 Kajian Lepas tentang Pertubuhan Serantau	9
1.6.2 Kajian Lepas tentang ASEAN	12
1.7 Metodologi Kajian	18
1.7.1 Reka Bentuk Kajian dan Unit Analisis	18
1.7.2 Prosedur Pengumpulan Data	19
1.7.3 Analisis Data	21
1.8 Organisasi Bab	23
2 PERKEMBANGAN ASEAN SEBAGAI PERTUBUHAN SERANTAU	24
2.1 Pengenalan	24
2.2 Kerjasama Negara Asia Tenggara Sebelum Penubuhan ASEAN	25
2.3 Latar Belakang ASEAN dan Faktor Penubuhannya	28
2.4 Perkembangan ASEAN Sebagai Sebuah Pertubuhan Serantau	31
2.5 Rumusan	36
3 CABARAN ASEAN SEBAGAI PERTUBUHAN SERANTAU	37
3.1 Pengenalan	37
3.2 Masalah Tuntutan Bertindih	37
3.3 Cabaran Menghadapi Terorisme dan Radikalisme Agama	44

3.4	Cabaran Hubungan Dua Hala dalam Isu Sosial	47
3.5	Cabaran untuk Meningkatkan Industri Pelancongan	50
3.6	Isu Pelarian dan Pendatang Asing	53
3.7	Isu Ekonomi dan Perdagangan	57
3.8	Rumusan	61
4	KEJAYAAN ASEAN SEBAGAI PERTUBUHAN SERANTAU	62
4.1	Pengenalan	62
4.2	Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan	62
4.3	Kerjasama Keselamatan	66
4.4	Pencapaian ASEAN dalam Mengatasi Isu Sosial	68
4.5	Kerjasama Politik	72
4.6	Pencapaian ASEAN: Dari ZOPFAN ke AEC	74
4.7	Kesimpulan	77
5	KESIMPULAN	79
5.1	Pengenalan	79
5.2	Penemuan Kajian	79
	RUJUKAN	85
	BIODATA PELAJAR	97

SENARAI SINGKATAN

AEC	Asean Economic Community
AFTA	Asean Free Trade Area (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)
AIC	ASEAN Industrial Complementation
AMDA	Anglo Malayan Defence Agreement
AMF	ASEAN Maritime Forum
APEC	Asia Pacific Economic Caucus
ARF	ASEAN Regional Forum
AS	Amerika Syarikat
ASA	Association of Southeast Asia
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ASEM	Asia-Europe Meeting
ATF	Asean Tourism Forum
CEPT	Common Effective Preferential Tariff
CUCB	Currency Union Central Banks
EC	European Community
ECOWAS	Economic Community of West African States
EEC	European Economic Community
ESCS	European Coal and Steel Community
EU	European Union (Kesatuan Eropah)
FDI	Foreign Direct Investment
ICJ	International Court of Justice (Mahkamah Keadilan Antarabangsa)
IS	Islamic State
ISIS	Islamic State of Syria
JBC	Joint Boundary Committee
JI	Jemaah Islamiyah
KMM	Kumpulan Mujahidin Malaysia
LTTE	Liberation Tigers of Tamil Eelam
MILF	Moro Islamic Liberation Front (Barisan Pembelaan Islam Moro)
NATO	North Atlantic Treaty Organization
OAU	Organization African Union
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PKM	Parti Komunis Malaya
PTA	Preferential Trading Arrangement
PULO	Pertubuhan Pembelaan Bersatu Pattani
SAARC	South Asian Association for Regional Cooperation (Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan)
SAFTA	South Asean Free Trade Area
SEATO	Southeast Asia Treaty Organization
TAC	Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia
TMA	Tahun Melawat ASEAN
UNASUR	Union of South American Nation
ZOPFAN	Zone of Peace, Freedom and Neutrality

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertubuhan serantau merupakan pertubuhan yang keanggotaannya terdiri daripada beberapa negara yang ditubuhkan bertujuan untuk menangani masalah serantau. Sekarang ini, terdapat beberapa pertubuhan serantau yang wujud di dunia ini bagi tujuan mencapai matlamat bersama tersebut. Antaranya adalah seperti Kesatuan Eropah (European Union-EU), Ecowas, SAARC dan ASEAN.

Kesatuan Eropah misalnya mempunyai keanggotaan dari 27 buah negara Eropah. Dari segi sejarahnya, Kesatuan Eropah (European Union-EU) ini berasal daripada European Coal and Steel Community (ECSC) yang ditubuhkan di Paris pada 18 April 1951 oleh enam negara yang terdiri daripada Perancis, Jerman, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Itali. ECSC kemudiannya berkembang lagi menjadi European Economic Community pada tahun 1957. Daripada sinilah kesepakatan EC telah berkembang maju sehingga akhirnya terbentuklah EU pada tahun 1993 (Shanker 2004:75).

Di rantau Afrika pula, mereka menubuhkan Economic Community of West African States (Ecowas) pada 28 Mei 1975 untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara Afrika Barat. Pada awalnya Ecowas terdiri daripada 16 buah negara iaitu Benin, Burkina Faso, Cape Verde, Ivory Coast, Gambia, Ghana, Guinea, Guinea Bissau, Liberia, Mali, Mauritania, Republik Niger, Nigeria, Senegal, Sierra Leone dan Togo, namun pada tahun 2001, Mauritania menarik diri menjadikan pertubuhan ini hanya mempunyai 15 buah negara anggota sekarang ini (Emmanuel 2013:7).¹

¹Misi Ecowas adalah untuk mempromosikan kerjasama dan pembangunan ekonomi melalui penghapusan segala bentuk halangan dan masalah perdagangan serta harmoni menjaga hubungan baik antara sesama negara serantau. Tujuan utamanya adalah untuk membangunkan pasaran umum besar Afrika Barat dan membuat satu ikatan bersama dalam apa jua masalah yang mereka hadapi. Ecowas adalah salah satu jambatan bagi masyarakat dan juga ekonomi Afrika, yang didirikan untuk mencapai matlamat yang lebih kolektif, untuk negara-negara anggotanya melalui penyatuan ekonomi dan perdagangan. Keadaan ini juga berfungsi sebagai pasukan penjaga perdamaian di wilayah tersebut. Pertubuhan organisasi ini menggunakan tiga bahasa rasmi iaitu bahasa Inggeris, bahasa Perancis, dan bahasa Portugis. Untuk perbincangan lanjut, sila rujuk Hanink & Owusu (1998:363).

Bagi negara-negara Asia Selatan yang terdiri daripada negara-negara India, Pakistan, Nepal, Bhutan, Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives pula, mereka telah menubuhkan Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC) pada 8 Disember 1985. Tujuannya adalah untuk mempertingkatkan kualiti hidup, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, mengambil berat tentang masalah negara anggota, dan memperkuatkan kerjasama antara sesama negara anggota dalam forum antarabangsa dengan tujuan untuk menjaga kepentingan serantau (Carter 2004:24).

Di Amerika Selatan pula, mereka menubuhkan Union of South American Nation (UNASUR) yang mempunyai 12 negara anggota pada tahun 2004.² UNASUR ditandatangani di Brazil pada tanggal 23 Mei 2008 yang secara sah menentukan tiga wilayah penting pusat UNASUR iaitu ibu pejabatnya di Ecuador, parlimennya di Bolivia, serta bank pusatnya di Venezuela. Terbentuknya UNASUR adalah hasil usaha negara-negara Amerika Selatan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan mempertahankan entiti kedaulatan rantau mereka (Fernando 2014:413).

Huraian di atas menunjukkan tujuan pembentukan sesebuah pertubuhan serantau adalah untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, meningkatkan perdagangan bebas dan menjaga keamanan dan keselamatan serantau. Bagaimana pula dengan negara-negara Asia Tenggara? Seperti dengan rantau-rantau lain, negara-negara di rantau Asia Tenggara juga mempunyai pertubuhannya sendiri iaitu Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) yang ditubuhkan pada tahun 1967. Lalu, fokus kajian ini adalah untuk menganalisis peranan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau, cabaran yang dihadapinya serta pencapaiannya.

1.2 Permasalahan Kajian

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) yang ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 merupakan sebuah organisasi geopolitik dan ekonomi negara-negara di kawasan Asia Tenggara. Lima buah negara awal yang terlibat dalam penubuhannya adalah Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, dan Thailand. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, kemajuan sosial, pengembangan kebudayaan negara-negara anggotanya, serta memajukan perdamaian serantau. Ini kerana pemimpin-pemimpin Asia Tenggara percaya bahawa hubungan yang baik antara negara-negara serantau adalah asas kepada perdamaian dan kemajuan serantau. Ini kerana setiap hal yang berlaku dalam kalangan negara serantau mempunyai perkaitannya dengan negara jiran lainnya. Misalnya, ancaman komunis

²Dua belas anggota tersebut adalah Argentina, Bolivia, Brazil, Chile, Colombia, Ecuador, Guyana, Paraguay, Peru, Surinam, Uruguay, dan Venezuela. Mereka juga mempunyai dua negara pemerhati iaitu Mexico dan Panama. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Starr & Russet (1996: 82).

di Malaysia turut mengancam negara jiran Filipina, Singapura, Indonesia dan Thailand. Maka, persefahaman antara negara-negara serantau ini penting agar ancaman yang dihadapi di kalangan negara-negara anggota dapat diselesaikan melalui kesepakatan bersama.

Sejak penubuhannya, pertubuhan ASEAN telah melalui pelbagai masalah dan cabaran. Sebagai sebuah pertubuhan yang menggabungkan pelbagai latar belakang negara jiran, ASEAN menghadapi banyak masalah dalam mencapai matlamat penubuhannya. Antaranya ialah perbezaan budaya, ekonomi, bahasa dan agama. Apapun masalah yang dihadapinya, ASEAN tetap bertahan dan sehingga hari ini telah mencapai banyak kejayaan. Yang utamanya ialah kesediaan negara-negara ASEAN untuk bergerak ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Sehubungan dengan kenyataan di atas, penyelidikan ini mempunyai beberapa permasalahan yang perlu dikaji untuk memahami sejarah penubuhannya, isu-isu yang dihadapinya dan kejayaannya dalam mengatasi setiap cabaran yang dihadapinya. Apakah permasalahan tersebut? Pertama, ialah untuk meneliti faktor penubuhan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Hal ini penting diteliti bagi menyediakan latar belakang kepada kajian ini, iaitu bagaimana sejarah pembentukannya bermula? Apakah penubuhannya kerana ancaman komunis, keselamatan atau perdagangan? Siapakah pemimpin yang mengilhamkan idea ASEAN ini? Pertanyaan ini menjadi penting untuk membolehkan penyelidik meneliti secara spesifik lagi perkembangannya sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Kedua, adalah untuk menilai cabaran dankekangan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Aspek ini perlu diteliti kerana sejak penubuhannya ASEAN tidak pernah terlepas daripada menghadapi masalah. Antaranya ialah masalah perebutan wilayah dan pertindihan sempadan seperti isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih antara Malaysia dan Singapura, perebutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan antara Malaysia dan Indonesia, dan Pulau Spartly di kalangan negara anggota ASEAN. Cabaran lain dalam hubungan ASEAN adalah masalah kerjasama ekonomi dan perdagangan. Hal ini berlaku kerana ada dalam kalangan negara ASEAN yang masih berprasangka dengan negara anggota lain. Selain itu, sesetengah daripada mereka juga enggan patuh kepada arahan dan keputusan yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan ASEAN sendiri. Inilah antara cabaran dan masalah yang membelenggu negara-negara Asia Tenggara.

Ketiga, ialah pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Pertanyaannya, sejauh manakah ASEAN berjaya mencapai matlamatnya untuk memperkuatkan kerjasama serantau dan membina kerjasama dengan negara-negara di luar ASEAN? Hal ini perlu dikaji untuk menilai kejayaan ASEAN sebagai pertubuhan serantau.

Sehubungan dengan permasalahan di atas, maka persoalan kajian tesis ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah faktor yang mendorong penubuhan ASEAN sebagai organisasi serantau?
- ii. Apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau?
- iii. Sejauh manakah pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau?

1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran dan pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Secara spesifiknya pula, tujuan kajian tesis ini adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan latar belakang ASEAN dan faktor penubuhannya sebagai sebuah pertubuhan serantau.
- ii. Menganalisis cabaran dan masalah yang dihadapi oleh ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau.
- iii. Menilai pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau.

1.4 Skop Kajian

ASEAN adalah unit analisis kajian ini. Terdapat dua sebab utama kenapa penyelidik memilih ASEAN sebagai fokus kajian. Pertama, untuk menilai pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau, apatah lagi sejak tahun 2015 ASEAN telah bergerak ke arah mewujudkan AEC (Asean Economic Community). Kedua, untuk menilai tindakan ASEAN dalam mengatasi cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi khususnya dalam konteks hubungan dua hala yang semakin banyak seperti tuntutan bertindih, keselamatan dan hubungan perdagangan.

Dari segi tempoh masa, kajian ini mengambil tempoh masa yang lama daripada Ogos 1967 sehingga sekarang. Tempoh ini dipilih kerana tahun 1967 adalah tarikh penubuhan ASEAN, manakala berakhir tahun 2015 kerana pada tahun inilah genapnya lima puluh tahun ASEAN ditubuhkan. Tempoh ini menjadi satu tempoh yang relevan kerana ia membolehkan penyelidik meneliti masalah dan cabaran yang dihadapi ASEAN serta menilai kejayaannya setelah 50 tahun penubuhannya.

Dari segi struktural, fokus kajian ini adalah kepada tiga aspek utama, iaitu faktor penubuhan ASEAN, cabarannya dan pencapaiannya. Tiga aspek ini dikaji secara serentak kerana kajian oleh para sarjana sebelum ini adalah terbatas setakat tahun 2015 dan belum ada lagi yang meneliti cabaran dan pencapaian ASEAN sehingga kepada pelaksanaan AEC pada tahun 2015. Jadi, penyelidikan ini adalah satu usaha awal penyelidik untuk meneliti cabaran ASEAN dan pencapaiannya secara yang lebih komprehensif.

1.5 Konsep Pertubuhan Serantau

Kajian tesis ini adalah mengenai cabaran dan pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan konsep pertubuhan serantau sebagai alat analisis kerana kaitannya yang rapat dengan tajuk kajian ini. Pertubuhan serantau yang dimaksudkan dalam tesis ini adalah kerjasama antara negara jiran yang sama yang memiliki ciri saling kebergantungan di antara negara anggotanya.

Dari segi sejarahnya, pertubuhan serantau wujud selepas Perang Dunia Kedua yang berpunca daripada hubungan antarabangsa yang tidak stabil. Ini dapat dilihat dari wujudnya pertikaian fahaman dan perang dingin di antara dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Jadi, bagi mengatasi ancaman daripada persaingan dua kuasa besar tersebut, maka negara-negara serantau mula menubuhkan pertubuhan serantau sesama mereka untuk melindungi wilayah masing-masing dari segi politik, ekonomi dan juga keselamatan.

Pertubuhan serantau yang mula-mula ditubuhkan adalah European Coal and Steel Community (ECSC) pada tahun 1957 yang kini dikenali dengan nama European Union. Ini diikuti oleh Organization African Unity (OAU) pada tahun 1963, ASEAN pada tahun 1967, Ecowas pada tahun 1975, dan SAARC pada tahun 1985.

Schmitter (1965:2) menyatakan kerjasama serantau ialah “... *a process whereby national units come to share part or all of their decisional authority with an emerging international organization.*” Definisi Schmitter ini menunjukkan pertubuhan serantau ialah unit-unit nasional yang berkongsi sebahagian atau keseluruhan kuasa dalam menentukan hala tuju dan keputusan dalam hubungannya dengan pertubuhan serantau yang mereka anggotai.

Rajendran (1985:2) pula mendefinisikan pertubuhan serantau sebagai “...*a number of states, of a larger unit (community) at the international level, through peaceful noncoercive means. Hence, regional cooperation implies the cooperation of each and every sector of the participating states including the military, economic and social welfare sector.*” Beliau menyatakan pertubuhan serantau sebagai sebuah unit

gabungan antara negara membentuk sebuah pertubuhan besar dalam kalangan negara berjiran. Inisiatif ini menghasilkan satu bentuk kerjasama yang memberikan manfaat besar kepada negara di dalam unit gabungan itu. Chibber (2004:34) pula mendefinisikan pertubuhan serantau sebagai:

...a subcategory of international organization; they can be financial and nonfinancial institutions. They consist of those supranational institutions whose members are governments or monetary authorities of economies that are located in a specific region of the world regional organizations, which include Currency Union Central Banks (CUCB), are created for many purposes including supporting, guiding, and even governing aspects of the economic relationships or integration processes among the regions' economies.

Petikan di atas menunjukkan pertubuhan serantau adalah subkategori organisasi antarabangsa yang boleh dibahagikan mengikut organisasi. Ia boleh menjadi institusi kewangan dan bukan kewangan yang mana terdiri dari orang-institusi supra nasional. Ahlinya adalah kerajaan atau pihak berkuasa ekonomi yang terletak di organisasi serantau dunia. Contohnya seperti mata wang Unit Eropah (XEU) yang dicipta untuk pelbagai tujuan termasuk menyokong, membimbing, dan juga mengawal aspek hubungan ekonomi atau proses integrasi di kalangan ekonomi di dalam rantau.

Tujuan mewujudkan pertubuhan serantau ialah untuk kepentingan setiap anggota yang terlibat demi mencapai kesefahaman bersama dalam hal ehwal serantau mereka dalam membuat keputusan bersama untuk memanfaatkan kepentingan bersama negara anggota. Antaranya adalah dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Tujuan lain ialah untuk bertindak secara bersama dalam menyelesaikan konflik yang melibatkan negara anggota seperti tuntutan bertindih, keselamatan, sosial dan ekonomi. Apabila mereka berada dalam satu pertubuhan, ada piagam yang perlu dipatuhi yang akhirnya membuatkan mereka patuh dan menyemaikan sifat kebersamaan dalam satu pertubuhan (Anderson 1993; Roberts 2013).

Selain itu, tujuan lain ialah untuk mewujudkan kerjasama ketenteraan agar negara anggota tidak bersendirian dalam menangani ancaman sekiranya berlaku perperangan. Apabila ianya melibatkan negara anggota pertubuhan, maka peranan ketenteraan akan diambil oleh rakan anggota yang lain di bawah satu payung pertubuhan. Hal ini akan menjadikan negara itu lebih kuat apabila ada jalinan kerjasama termasuk dalam bidang ketenteraan kerana akan sentiasa sahaja ada negara yang bersedia berdiri di belakang untuk mempertahankan sesama mereka (Severino 2006:13). Sebagai contoh, NATO (North Atlantic Treaty Organization) yang dibentuk di Washington pada 4 April 1949. Pada awalnya NATO hanya disertai oleh dua belas negara sahaja iaitu Amerika Syarikat, Belanda, Britain, Belgium, Denmark, Ireland, Itali, Kanada, Luxembourg, Norway, Perancis dan

Portugal sahaja tetapi kini NATO sudah dianggotai oleh 28 buah negara.³ NATO ditubuhkan dengan tujuan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara-negara anggotanya. Contohnya ialah penglibatan NATO untuk menyelesaikan krisis etnik di Kosovo pada tahun 1999 dengan berusaha untuk membawa pulang pelarian Kosovo ke tanah air mereka dengan memberikan perlindungan keselamatan. Selain itu, NATO juga membantu membina kembali rumah-rumah mangsa pelarian serta membangunkan kehidupan baru mereka di Kosovo (Brian 2011:107).⁴

Dari sudut ekonomi pula, pertumbuhan serantau ini banyak menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesama negara anggota. Sebagai contohnya, dalam SAARC, India memainkan peranan utama dalam membantu negara kurang maju seperti Bangladesh dan Nepal. Misalnya, di saat Nepal dilanda gempa bumi yang teruk pada April 2015, India telah menawarkan bantuan ekonomi kepada Nepal untuk membangunkan semula kawasan yang musnah akibat bencana tersebut. Atas semangat kejiraninan, India telah menghulurkan dana sejumlah US\$600 juta untuk keperluan Nepal membangunkan semula negaranya yang musnah. Bagi India, luka Nepal adalah luka India (Carter 2004:43).

Di dalam bidang perdagangan antarabangsa pula, pertumbuhan serantau ini dapat mewujudkan pakatan perdagangan antara negara anggota seperti menghapuskan cukai eksport, cukai perkhidmatan dan cukai bertindih lainnya. Pakatan perdagangan ini juga dapat mewujudkan kerjasama ekonomi seperti pengurangan peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan yang melibatkan sektor-sektor tertentu untuk kepentingan bersama. Ini tentunya dapat mengurangkan jurang kos urus niaga antara sektor-sektor swasta yang dapat menguntungkan negara-negara anggota (Bhalla Shiela 2007:82).

Banyak manfaat yang boleh didapati melalui pertumbuhan serantau ini. Antaranya ialah membolehkan negara anggota mengatasi saiz kecil pasaran domestik, dan mencapai ekonomi skala serta pengkhususan dalam pengeluaran. Dengan itu, ini meningkatkan daya saing produk mereka. Kedua, akses kepada pasaran yang lebih besar membolehkan negara-negara anggota membangun dan mengembangkan industri sedia ada dengan menubuhkan industri eksport baharu dan mempelbagaikan eksport, dan mengurangkan kelemahan dalam pasaran produk tertentu. Ketiga,

³Dua puluh lapan buah negara NATO terkini adalah Amerika Syarikat, Belanda, Belgium, Britain, Bulgaria, Denmark, Estonia, Hungari, Ireland, Itali Jerman, Kanada, Croatia, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Norway, Perancis, Poland, Portugal, Republic Czech, Romania, Slovenia, Slovakia, Sepanyol, Turki dan Greece. Untuk perbincangan lanjut, sila rujuk Brian (2011).

⁴Perang Kosovo merupakan sebuah konflik bersenjata di Kosovo yang berlaku dari 28 Februari 1998 hingga 11 Jun 1999. Konflik ini melibatkan pihak berkuasa Republik Persekutuan Yugoslavia yang mengawal Kosovo sebelum perang bermula, dan kumpulan pemberontak Albania Kosovo yang dikenali sebagai Tentera Pembebasan Kosovo serta dibantu oleh tentera udara daripada NATO. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Iram Khalid (2011) dan Brian (2011).

meningkatkan keupayaan negara anggota untuk berdepan dengan cabaran, termasuk cabaran teknologi baharu. Keempat, mengurangkan kos urus niaga merentasi sempadan antarabangsa dan menghapuskan sempadan antara negara (Plummer 2006:429).

Huraian konsep di atas menunjukkan pertubuhan serantau ialah kesepakatan negara-negara anggota bagi mencipta peranan yang saling menguntungkan melalui kerjasama yang dilakukan. Ia bererti penyatuan negara-negara yang merdeka dan berdaulat demi mencapai kepentingan bersama melalui kerjasama negara-negara anggota di bawah satu organisasi. Ia juga melibatkan pola kerjasama yang melangkaui sempadan negara yang menghasilkan keuntungan bersama. Tujuannya adalah untuk memastikan negara-negara anggota sentiasa berusaha untuk memastikan matlamat yang menjadi kepentingan bersama dapat dicapai. Tujuan lain pertubuhan serantau adalah untuk memastikan perdamaian keamanan serantau dapat dipelihara dengan baik melalui hubungan erat yang diwujudkan. Melalui cara ini ia memberi manfaat kepada negara-negara anggota mengembangkan kerjasama dalam segala bidang.

Contoh pertubuhan serantau yang berjaya mencapai objektif seperti di atas adalah Kesatuan Eropah (EU). Misalnya, pada tahun 1999, sejumlah 12 negara anggota telah untuk menetapkan mata wang bersama iaitu Euro.⁵ Ini adalah antara contoh jelas menunjukkan EU telah memenuhi ciri-ciri pertubuhan serantau yang berjaya.

Dalam konteks ASEAN pula, ASEAN telah berjaya menjalinkan kerjasama dalam kalangan negara-negara anggota untuk mewujudkan projek-projek perindustrian ASEAN. Contohnya, projek industri tembaga di Filipina, projek fabrik diesel di Singapura dan Projek fabrik superfosfat di Thailand. Dalam menghadapi pasaran globalisasi, ASEAN mewujudkan pula Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 1992. Pada tahun 1997, apabila ASEAN menghadapi krisis kewangan. Bagi menghadapi krisis ini, negara-negara anggota bekerjasama untuk membolehkan mereka kembali pulih walaupun pada ketika itu masalah ekonomi yang dihadapi amat serius. Sehubungan dengan perbincangan di atas, tesis ini menggunakan konsep pertubuhan serantau untuk menilai cabaran dan pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau.

1.6 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas adalah amat penting bagi sesebuah kajian akademik kerana ia mengkritik dan menilai kajian lepas bagi mengenal pasti aspek penting yang belum

⁵Dua belas negara anggota tersebut adalah negara Jerman, Ireland, Belanda, Greece, Perancis, Luxembourg, Austria, Finland, Belgium, Itali, Portugal dan Sepanyol. Jumlah penduduk daripada dua belas negara ini merangkumi seramai dua pertiga daripada keseluruhan penduduk EU. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Schuschny (2010).

diteliti secara komprehensif oleh penyelidik terdahulu. Sehubungan itu, maka sorotan literatur ini bertujuan untuk mengisi aspek-aspek yang ditinggalkan oleh pengkaji lepas dan mengisinya dengan memasukkan idea konstruktif tentang ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Bagi memantapkan kajian tesis ini, sorotan literatur ini menyorot dua tema utama, iaitu kajian terdahulu mengenai pertubuhan serantau, dan keduanya pula mengenai ASEAN.

1.6.1 Kajian Lepas tentang Pertubuhan Serantau

Bahagian ini menyorot kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai pertubuhan serantau yang wujud di dunia ini. Antaranya yang dinilai dalam sorotan ini adalah Kesatuan Eropah (European Union-EU), Organisasi Kesatuan Afrika (Organization African Union-OAU), Economic Community of Western African States (Ecowas), South Asian Association for Regional Cooperation (SAARC), Union of South American Nation (UNASUR), dan East African Community (EAC). Contoh-contoh pertubuhan serantau ini disorot untuk melihat perkembangan, cabaran dan pencapaiannya. Antara faktor EU dipilih adalah kerana EU dianggap sebagai pertubuhan serantau yang paling berjaya setakat ini. EU telah melangkah ke hadapan dan menjadi rujukan kepada pertubuhan serantau yang lain di dunia. OAU pula dipilih kerana negara Afrika adalah negara yang banyak mengalami konflik. Sejak penubuhannya pada tahun 1963, OAU telah berjaya memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pelbagai konflik yang telah terjadi dalam kalangan negara anggotanya seperti konflik Somalia dan pemberontakan Mali. Ecowas, UNASUR dan EAC pula dipilih bagi menunjukkan contoh cabaran dan pencapaian mereka sebagai sebuah pertubuhan serantau seperti mana penyelidikan ini yang mengajinya dalam konteks ASEAN.

Hass (2003) dalam bukunya *The uniting of Europe: political, social and economic forces* mengkaji tentang sejarah pembentukan Kesatuan Eropah (EC) sebagai pertubuhan serantau yang paling berjaya. Beliau memberikan tiga faktor utama kejayaan EU. Pertama, kemampuannya mencapai tahap yang lebih tinggi daripada integrasi serantau yang lain dalam soal perdagangan, perkhidmatan, kewangan dan tadbir urus korporat. Kedua, kepedulian dan kebertanggungjawaban EU terhadap isu-isu yang merupakan tanggungjawab bersama mereka, terutama sekali mengenai keperluan tentang kedaulatan. Ketiga, keupayaannya membantu negara-negara yang agak ketinggalan supaya maju seiring dengan negara yang lebih berjaya. Sebagai contoh, England membawa negara yang agak terkebelakang seperti Greece untuk maju ke hadapan. Ini menunjukkan EU telah mengangkat darjah negara serantau mereka melalui pertubuhan serantau. Kajian Haas adalah cukup baik dalam menjelaskan kejayaan EU sebagai pertubuhan serantau. Oleh itu, kajian beliau cukup bermanfaat dalam membantu penyelidik untuk menilai pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Carter dalam bukunya *India and SAARC engagement* (2004) pula membincangkan perjalanan SAARC sebagai sebuah pertubuhan serantau. Antara yang dibincangkan

adalah mengenai hegemoni India di rantau tersebut. Ini kerana rata-rata negara-negara kecil di rantau itu bergantung kepada pertolongan India untuk memudahkan pertumbuhan ekonomi. Misalnya, Nepal dan Bhutan sebagai negara ‘landlocked countries’ bergantung kepada bekalan petrol dan bahan mentah dari India. Oleh itu, bagi memudahkan urusan perdagangan ini, SAARC menubuhkan South Asean Free Trade Area (SAFTA) untuk mempercepatkan proses eksport-import dan juga bagi mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota. Dalam isu politik pula, tentera India turut terlibat dalam mengatasi konflik di Sri Lanka untuk menundukkan puak pemberontak Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE). Walaupun pada awalnya berlaku salah faham antara Sri Lanka dan India dalam kes LTTE ini kerana Sri Lanka menganggap tentera India membantu orang Tamil LTTE, namun akhirnya dengan semangat perundingan anggota SAARC, kekeliruan ini dapat diselesaikan dengan baik dan akhirnya pemberontakan LTTE dapat ditewaskan. Kajian Carter ini sangat relevan untuk memandu kajian ini kerana ASEAN juga menghadapi cabaran ini sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Dabene dalam bukunya *The politics of regional integration in Latin America* (2009) pula membincangkan tentang UNASUR. Fokus analisis beliau adalah kepada krisis Colombia yang berhadapan dengan masalah terorisme FARC yang condong ke arah Marxist. Beliau menyatakan krisis ini menjadi krisis yang serius pada tahun 1982. Bagi mengatasinya, maka UNASUR melakukan rundingan dengan memanggil wakil negara Colombia untuk berbincang mengenai isu ini. Selain berperanan untuk mengatasi konflik sesama negara anggota, UNASUR juga berperanan dalam meningkatkan perdagangan serantau bagi negara-negara di Amerika Selatan. Antara tindakan yang diambil oleh UNASUR adalah menyelesaikan masalah tarif dan akses komunikasi serta perdagangan dengan memperkenalkan sistem ‘Common Union’ di Amerika Selatan. Walaupun tujuan UNASUR adalah baik, Dabene menyatakan usaha UNASUR untuk melaksanakan ‘Common Union’ ini terhalang akibat fahaman yang berbeza. Ada yang condong kepada fahaman Marxis dan ada juga yang condong ke arah sosialis. Pandangan Marxis ini adalah mengekalkan pemerintahan autokratik, manakala fahaman sosialis pula mahukan sebuah kerajaan demokratik. Semua ini telah membawa kesan kepada ekonomi rantau ini. Buku ini baik untuk memberi gambaran latar belakang ekonomi rantau ini. Namun Dabene hanya menganalisis latar belakang fahaman ini sahaja tanpa membincangkan secara lebih lanjut kesan fahaman ini ke atas negara-negara anggota dan hubungannya dengan pertubuhan serantau. Kajian ini mengisi kekurangan ini dengan merujuk kepada ASEAN sebagai kes kajian.

Damelash dalam bukunya *The African Union Conflict Management Division: challenges and prospects* (2011) mengkaji tentang konflik yang berlaku di negara-negara anggota Afrika Utara. Antara konflik yang dibincangkan adalah mengenai peranan AU dalam menyelesaikan konflik Darfur yang memuncak pada tahun 2003. Konflik Darfur ini bermula apabila berlakunya pergaduhan penduduk Islam yang melibatkan etnik Afrika dan kumpulan penduduk keturunan Arab. Konflik ini menyebabkan 200,000 orang terbunuh dan 2.5 penduduk telah menjadi pelarian. Konflik ini berpunca daripada beberapa faktor seperti bencana alam dan ketidakseimbangan pembangunan dan peluang kehidupan antara penduduk pusat

bandar sekitar Sungai Nil dan wilayah pinggiran seperti Darfur. Mengikut Damelash, terdapat empat peranan yang dimainkan oleh AU. Pertama, AU bertindak sebagai fasilitator dengan meyakinkan pihak-pihak terbabit untuk melakukan rundingan. Kedua, AU bertindak sebagai mediator untuk memastikan agar pihak pemerintah Sudan dan dua kelompok itu melakukan perbincangan dan rundingan. Ketiga, AU melakukan pengawasan genjatan senjata, dan yang terakhirnya, AU melakukan operasi perdamaian melalui beberapa perjanjian yang dinamakan Darfur Peace Agreement (DPA).

Isu lain yang turut dibincangkan adalah gaya pemerintahan kebanyakan pemimpin Afrika yang bersikap kuku besi atau diktator sehingga menyebabkan kemunduran dan kemiskinan wilayah itu akibat konflik yang berterusan. Damelash memberikan Somalia sebagai contoh yang sering dilanda konflik. Katanya, sejak tahun 1991, selepas era pemerintahan Siad Berre, belum ada pemerintahan yang dapat mengatur pemerintahan Somalia dengan baik. Ini kerana kerajaan yang muncul selepas pemerintahan beliau ialah kerajaan yang korup, diktator dan tidak bersatu. Maka, Organisasi Kesatuan Afrika memainkan peranan untuk menangani konflik di Somalia sejarah dengan matlamat penubuhan AU, iaitu untuk mengukuhkan persatuan dan solidariti antara pihak-pihak yang bertelagah di Somalia. Usaha AU ini masih belum berhasil untuk menyelesaikan konflik Somalia, tetapi telah sekurang-kurangnya dapat menyatukan negara-negara anggota lainnya untuk lebih bersatu dalam mengatasi ancaman militan Somalia di negara masing-masing. Analisis Damelash ini baik untuk memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang pendekatan yang diambil oleh AU dalam mengatasi konflik etnik dan militan di rantau mereka, dan ini boleh penyelidik gunakan untuk menilai peranan dan keberkesanannya ASEAN dalam mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapinya dengan negara-negara anggotanya.

Nduaguibe dalam bukunya *The law and politics of Ecowas* (2013) mengkaji tentang undang-undang dan politik dalam pertubuhan Ecowas (Economic Community of West African States). Beliau menyatakan Ecowas didirikan untuk mencapai matlamat yang lebih kolektif dalam kalangan negara anggotanya melalui perdagangan tunggal dan penyatuan ekonomi serta juga untuk menjaga keselamatan rantau tersebut. Pencapaian Ecowas dalam bidang ekonomi adalah kejayaannya melaksanakan sistem ‘pasport bersatu’ bagi menjadikan benua Afrika Barat sebagai sebuah kawasan yang bebas sesama negara anggotanya. Selain itu, Ecowas juga berjaya mengatasi masalah konflik yang dihadapi oleh negara anggotanya seperti menangani isu pemberontakan tentera pada tahun 2012 yang merancang untuk merampas kuasa presiden dan menguasai pemerintahan Mali. Apabila terjadi pemberontakan ini, Ecowas mengirimkan pasukan tentera dari negara Nigeria dan Senegal di bawah Misi Pendukung Antarabangsa untuk membantu pemerintah Mali mempertahankan wilayah mereka dari serangan pemberontak. Analisis ini mempunyai persamaannya dengan situasi rantau ASEAN yang juga mempunyai masalah dengan isu pemberontakan dan penganas. Hujah Nduaguibe tentang Ecowas adalah komprehensif menyebabkan buku ini menjadi rujukan kepada penyelidik untuk menilai pertubuhan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau dalam menangani isu-isu keganasan dan pemberontakan.

Kajian Hass (2004), Carter (2004), Dabene (2009) dan Damelash (2011) tentang pertubuhan serantau di Eropah, Amerika Selatan dan Afrika tertumpu kepada faktor kelebihan negara anggota yang menganggotai pertubuhan serantau. Fokus mereka adalah mengenai isu yang dialami oleh negara anggota dan tindakan yang diambil oleh pertubuhan serantau dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Penyelesaian melalui perundingan dan diplomasi yang diambil menunjukkan kelebihan pertubuhan serantau. Kelebihan analisis mereka adalah membincangkan dari awal faktor-faktor tercetusnya konflik sehingga menjadi isu serantau. Sebagai contoh, Damelash (2011) membincangkan konflik Somalia yang berlaku adalah berpunca dari puak pembangkang yang ingin menjatuhkan pemerintahan Siad Berre dan pada waktu itu lah AU memainkan peranan untuk menanganinya. Semua sorotan di atas adalah baik untuk dijadikan panduan dalam kajian ini. Namun, kelainan kajian ini berbanding penyelidikan di atas ialah fokusnya mengenai ASEAN. Dengan merujuk analisis di atas, penyelidik menilai sejauh mana kemampuan ASEAN untuk melakukan penyelesaian seperti organisasi serantau yang lain. Tanpa mendakkan kelebihan kajian sarjana di atas, kajian yang tidak disentuh oleh mereka dibincangkan dalam tesis ini.

1.6.2 Kajian Lepas Tentang ASEAN

Kajian tentang ASEAN sebagai pertubuhan serantau dan kerjasama sesama negara anggotanya telah banyak dikaji oleh para sarjana terdahulu. Antaranya ialah kajian oleh Rajendran (1985), Hill (2002), Emmers (2003), Abuza (2003), Bowles (2012), Haacke (2013), Roberts (2013), Inama & Edmund (2015), dan Kwan (2015).

Rajendran di dalam bukunya *Asean's Foreign Relations* (1985) mengkaji tentang perkembangan ekonomi ASEAN. Beliau menyatakan perkembangan negara-negara ASEAN dari sudut ekonomi pada tahun 1970-an dan awal 1980-an adalah terlalu lembab. Beliau merujuk kepada dua perkara utama. Pertama, kebebasan perdagangan dalam komuniti ASEAN, dan keduanya, perjanjian menyeluruh dalam komuniti ASEAN. Hasil penelitiannya, Rajendran menyatakan ASEAN gagal mencapai keputusan secara bersama dalam membuat sesuatu keputusan. Hal ini kerana jurang tahap kemajuan antara negara anggota sangat besar menyebabkan ada dalam kalangan negara anggota yang merasakan mereka lebih besar daripada anggota lain. Akibat jurang kemajuan yang berlaku ini, maka negara anggota sukar untuk mencapai kata sepakat kerana memberi keutamaan untuk menjaga kepentingan negara masing-masing terlebih dahulu. Selain itu, pertubuhan ini juga gagal mencapai persetujuan dasar bersama dalam hal yang berkaitan dengan pelaburan. Keadaan ini disebabkan oleh jurang ekonomi dan ketidakamarataan pembangunan antara negara ASEAN menyebabkan keinginan setiap negara untuk maju kehadapan adalah berbeza. Lagipun di peringkat awal ini, setiap negara anggota masih enggan menyerahkan kuasa pemerintahan mereka kepada badan supranasional. Dalam bidang politik pula, ASEAN berjaya membentuk kerjasama dalam bidang keselamatan berkaitan hal menangani ancaman. Walaupun wujud

perbezaan, namun ASEAN tetap berdiri bersama dan mengenepikan masalah dan kepentingan masing-masing.

Kajian Rajendran menarik kerana karya beliau adalah antara karya terawal tentang ASEAN yang komprehensif. Ini kerana bukunya ini adalah hasil dari tesis PhD beliau yang beliau serahkan kepada Griffith University. Biarpun kajian Rajendran lengkap, namun kajian beliau hanya terbatas setakat tahun 1978 sahaja, iaitu tertumpu kepada pencapaian ASEAN setelah 10 tahun penubhannya. Penyelidikan ini melanjutkan lagi kajian Rajendran dengan meneliti perkembangan dan pencapaian ASEAN sehingga ke tahun 2015 iaitu setelah 50 tahun penubhannya.

Hill pula di dalam bukunya *Southeast Asian Economic Development* (2002) mengkaji tentang pembangunan ekonomi ASEAN ke arah mewujudkan sebuah pasaran bebas. Beliau menyatakan kemajuan tahap ekonomi negara-negara ASEAN yang tidak seimbang adalah cabaran besar ASEAN dalam usaha ke arah mewujudkan wilayah ekonomi yang bebas. Contohnya jurang kemajuan ekonomi antara negara Singapura dan Laos adalah terlalu jauh menyebabkan sukar bagi negara-negara anggota menerima dasar kerjasama ekonomi dan perdagangan. Contohnya, pendapatan perkapita Singapura melebihi AS\$25,000 manakala Laos, hanya kira-kira AS\$300 sahaja. Sebab lain yang beliau berikan adalah sistem pemerintahan dan keengganan untuk melepaskan kepentingan negara kepada ASEAN. Justeru, beliau mencadangkan para pemimpin negara ASEAN mencari penyelesaian segera agar tidak memberikan kesan yang buruk kepada ASEAN itu sendiri. Beliau menyatakan kaedah yang paling sesuai bagi mengatasi jurang ini adalah dengan cara menggalakkan peserta industri perniagaan dan institusi kewangan untuk melabur ke dalam infrastruktur negara ASEAN. Kajian Hill amat baik kerana beliau membincangkan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN dalam mewujudkan pasaran bebas di kalangan negara-negara anggota. Tiga cabaran utama yang beliau nyatakan ialah jurang kekayaan antara negara anggota, sistem pemerintahan antara negara anggota, dan keengganan negara anggota untuk melepaskan kepentingan negara kepada ASEAN. Beliau juga membincangkan langkah-langkah penyelesaian yang perlu diambil ASEAN bagi mengatasi cabaran ini. Kekurangan analisi Hill adalah kerana beliau tidak menilai pencapaian ASEAN—aspek penting yang diisi dalam penyelidikan ini.

Wain (2012) mengkaji mengenai peranan ASEAN dalam menyelesaikan konflik sempadan dan serantau yang membabitkan negara-negara anggotanya. Antara konflik yang beliau kaji adalah tuntutan bertindih Kuil Preah Vihear, Pulau Batu Puteh, Ligitan dan Sipadan serta beberapa kawasan pulau yang belum diwarta. Kajian ini menjelaskan bahawa pulau-pulau yang belum diwarta itu berpotensi untuk menjadi isu pertindihan sempadan antara negara ASEAN di masa hadapan. Hasil analisisnya, beliau menegaskan negara-negara ASEAN mesti segera mencari jalan penyelesaian untuk mengakhiri isu yang selama ini sering kali terjadi dalam kalangan negara ASEAN ini. Namun, satu yang menarik dalam analisisnya ialah tentang keunikan anggota ASEAN yang mempunyai sikap toleransi dan rasa saling mempercayai sehingga membuatkan perundingan mudah dilakukan. Beliau

memberikan contoh penyelesaian kepada isu Pulau Batu Putih pada tahun 2008 antara Malaysia dan Singapura dan Pulau Sipadan dan Ligitan di antara Malaysia dan Indonesia. Katanya, tuntutan-tuntutan diselesaikan secara harmoni apabila negara-negara yang terlibat membawa kes tuntutan bertindih ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan akur dengan keputusan yang dibuat. Katanya, kejayaan ini adalah kerana peranan ASEAN yang turut memberi sokongan dan pandangan supaya kes tuntutan ini diselesaikan secara damai. Satu yang menarik tentang kajian Wain adalah karyanya menunjukkan ciri-ciri ASEAN memainkan peranannya dalam membawa kepada perdamaian anggota yang menghadapi isu-isu yang berbangkit. Kajian Wain memberikan banyak maklumat kepada penyelidik dalam memahami konflik tuntutan bertindih yang dihadapi oleh negara-negara anggota serta peranan ASEAN dalam mencari penyelesaiannya, namun kajiannya tidak menilai cabaran-cabarannya yang dihadapi ASEAN dan langkah yang diambil untuk menyelesaiannya. Justeru kekurangan tersebut, penyelidikan ini mengisinya dengan turut membincangkan cabaran-cabarannya lain yang dihadapi oleh ASEAN tanpa hanya menumpukan kepada aspek tuntutan bertindih sahaja.

Abuza (2003) pula dalam bukunya *Militant Islam in Southeast Asia: crucible of terror* mengkaji tentang ancaman militan yang dihadapi oleh ASEAN. Beliau menyatakan negara-negara ASEAN bukan hanya setakat berhadapan ancaman konflik dua hala dan konflik serantau, tetapi juga ancaman keselamatan daripada kumpulan pengganas. Bliau menyatakan kumpulan pengganas di Asia Tenggara kaitannya dengan pertubuhan al-Qaeda. Menurut beliau, ancaman pengganas yang paling besar di rantau ini ialah gerakan militan Islam Abu Sayaf yang berpusat di selatan Filipina dan kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) yang berpusat di Indonesia.⁶ Di Malaysia, pada tahun 2001 pihak keselamatan Malaysia sendiri pernah menahan seramai 80 orang yang dikaitkan dengan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM). Sebelum itu pada tahun 2000 seramai 29 orang yang dikenali sebagai kumpulan al-Maunah ditahan kerana disyaki terlibat dalam usaha untuk meletupkan bom di Kuala Lumpur.⁷ Beliau menyatakan Kumpulan al-Maunah adalah sebuah organisasi pengganas militan yang terkenal di Malaysia. Pada tahun 2000, mereka ditahan kerana merompak senjata tentera di Kem Batalion 304 Rejimen Askar Wataniah di Grik, Perak. Mereka telah membunuh dua orang anggota keselamatan iaitu Koperal R. Shanghadevan daripada cawangan khas PDRM dan Truper Mathew anak Medan dari Grup Gerak Khas ATM. Kumpulan ini merancang untuk menyerang dan menggulingkan kerajaan pada waktu itu. Mereka mengugut untuk menyerang Kuala Lumpur jika Perdana Menteri waktu itu, Dr. Mahathir Mohammed tidak meletakkan jawatan dalam masa 24 jam. Walau bagaimanapun, kumpulan ini akhirnya

⁶Kumpulan Abu Sayyaf adalah salah satu daripada kumpulan militan Islam yang mempunyai hubungan dengan al-Qaeda. Kumpulan militan ini berpengkalan di selatan Filipina, Jolo, Basilan dan Mindanao. Kumpulan ini sedang berusaha untuk menakluk negara jiran Filipina, terutamanya Malaysia dan Indonesia kerana faktor geografi penduduk yang ramai pengikut agama Islam. Mereka ini sering terlibat dengan beberapa siri pengeboman, penculikan, penebusan dan pembunuhan di sekitar barat Mindanao dan Kepulauan Sulu. Mereka ini juga turut bercita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam melalui cara rampasan kuasa.

menyerah diri. Dalam analisisnya, beliau menyatakan ASEAN mengambil langkah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) bertujuan untuk menangani dan mencegah isu keganasan dengan cara pendekatan yang komprehensif. Tumpuannya adalah penyiasatan, pengurusan krisis, perundangan, keselamatan udara dan maritim, belia dan pencegahan keganasan. Hasilnya negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Brunei, Filipina, dan Indonesia melalui SEARCCT telah berjaya menyelesaikan konflik pengganas antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) sehingga akhirnya termeterai perjanjian antara kedua-dua pihak terbabit. Selain itu, ASEAN juga telah berjaya bekerjasama untuk bertukar maklumat inteligen bagi memerangi golongan militan agama ini. Kajian di atas disorot bagi menunjukkan pentingnya pertubuhan serantau ASEAN dalam mengatasi ancaman keselamatan di rantau Asia Tenggara.

Satu lagi kajian menarik ialah tulisan Bowles dalam *Pacific Affairs* bertajuk “ASEAN, AFTA and new regionalism” (2012:219-233). Beliau menyatakan AFTA (ASEAN Free Trade Area) adalah sebuah persetujuan ASEAN mengenai sektor pengeluaran di seluruh negara ASEAN. Ketika persetujuan AFTA ditandatangani, ASEAN memiliki enam anggota, iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, dan Thailand. Vietnam bergabung pada tahun 1995, Laos dan Myanmar pada tahun 1997 dan Kemboja pada tahun 1999. Keempat negara baharu tersebut kemduianya menandatangani persetujuan AFTA untuk bergabung ke dalam ASEAN, namun diberi kelonggaran waktu untuk memenuhi kewajiban penurunan tarif AFTA. Beliau menyatakan dengan wujudnya AFTA ini, maka ASEAN Plus Three diwujudkan berdasarkan pada Chiang Mai Initiative. ASEAN Plus Three (APT) atau Kerjasama ASEAN Plus Three (APT) adalah kerjasama antara 10 anggota ASEAN plus China, Jepun dan Korea sejak tahun 1997, ketika rantau Asia Tenggara sedang dilanda krisis ekonomi. Kerjasama yang paling menonjol adalah di bidang kewangan. Dalam tempoh 10 tahun pertama 1997-2007, mekanisme dan pelaksanaan kerja am APT didasarkan pada Joint Statement on East Asia Cooperation. Dalam analisisnya, Bowles menyatakan AFTA ini telah berjaya menjadikan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang dapat bekerjsama dengan baik.

Haacke (2013) di dalam bukunya *ASEAN's diplomatic and security culture origins, development and prospects* mengkaji perbezaan polisi antara negara-negara ASEAN sebagai faktor yang menjadi cabaran kepada ASEAN. Beliau menyatakan perbezaan polisi ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kedudukan geografi negara ASEAN adalah berbeza-beza. Ada negara yang mempunyai banyak pulau, dan ada negara yang sering berhadapan dengan masalah bencana alam, terutamanya gempa bumi dan letusan gunung berapi. Indonesia dan Filipina adalah negara yang sering dilanda bencana alam yang berbeza dengan Singapura, Brunei, Malaysia, dan Thailand yang berada di lokasi geografi yang lebih selamat. Kedua, perbezaan agama telah membezakan cara pemerintahan setiap negara. Malaysia, Indonesia dan Brunei mempunyai majoriti masyarakat Islam. Thailand, Singapura, Vietnam, Myanmar, Kemboja dan Laos pula majoriti beragama Budha dan Filipina pula adalah negara yang majoriti masyarakatnya beragama Kristian Katolik. Semua ini menjadi faktor penghalang untuk mereka bekerjasama dalam hal sosial, agama dan

budaya kerana mempunyai latar masyarakat yang berbeza. Hasil analisisnya, Haacke menegaskan perbezaan ini membawa kesan buruk kepada integrasi ekonomi dan prinsip ASEAN yang akhirnya membawa kepada halangan dalam proses pembangunan rantau ini. Tanpa menolak wujudnya faktor-faktor di atas, terdapat dua kekangan analisis Haacke yang berbeza daripada kajian ini, iaitu beliau tidak menilai tentang pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau dan tempoh masa kajiannya hanyalah setakat tahun 2011 sahaja, sedangkan penyelidikan ini mengkaji sehingga ke tahun 2015.

Roberts (2013) pula dalam bukunya *ASEAN regionalism: cooperation, values and institutionalisation* mengkaji bantuan asing sebagai alat untuk membangunkan negara-negara ASEAN. Katanya, ASEAN memerlukan bantuan asing terutamanya dalam hal ketenteraan dan ekonomi kerana sistem ketenteraan yang kuat amat penting bagi negara memperkuatkan negara ASEAN jika diserang. Namun, dalam konteks kerjasama ketenteraan ini, ASEAN tidak melakukan kerjasama dengan negara luar kerana dua sebab. Petama, setiap negara anggota cenderung mengadakan kerjasama ketenteraan dengan kuasa besar yang lain secara sendirian. Kedua, prinsip ZOPFAN menghalang negara-negara ASEAN untuk bekerjasama dalam bidang ketenteraan dan pertahanan. Prinsip ZOPFAN ini adalah ASEAN sebagai wilayah yang aman, bebas dan berkecuali yang menolak campur tangan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara.

Selain itu, Roberts juga menyatakan negara ASEAN banyak bergantung kepada ekonomi luar, khususnya dengan negara China. China adalah antara kuasa ekonomi besar dunia kini dan kerjasama dengan negara tersebut penting demi memastikan pasaran negara-negara ASEAN turut menjadi besar. Beliau menyatakan kadar dagangan ASEAN dengan negara China adalah USD292.8 bilion. Hal ini menunjukkan ASEAN perlu dibangunkan dengan cara kerjasama dan bantu membantu bagi mempercepatkan proses pembangunan negara-negara anggotanya. Hasilnya, dalam konteks kerjasama perdagangan, pencapaian ASEAN adalah lebih baik daripada kerjasama ketenteraan. Selain itu, beliau juga menyatakan keistimewaan ASEAN yang mempunyai sumber alam yang banyak, tetapi gagal memanfaatkannya untuk pembangunan. Ini kerana setiap anggota ASEAN hanya melihat sumber alamnya sebagai milik negaranya dan tidak berkongsi pembangunan sumber alamnya dengan negara-negara ASEAN yang lain. Beliau mencadangkan supaya ASEAN mencontohi Kesatuan Eropah (EU) untuk membuka pasaran bebas demi membangunkan rantau tersebut.

Kajian Roberts cukup menarik, namun analisisnya tertumpu setakat cabaran dan penentangan negara-negara ASEAN sahaja. Beliau tidak menilai cita-cita ASEAN untuk melaksanakan ASEAN Economic Community (AEC) pada tahun 2015 bagi mewujudkan sebuah rantau yang menjalankan perdagangan bebas demi membawa negara-negara ASEAN ke arah yang lebih maju lagi dari sudut ekonominya. Kekurangan analisis Roberts ini diisi dalam kajian ini dengan melihat kepada kewujudan AEC dan manfaatnya kepada seluruh negara rantau Asia Tenggara.

Kwan dalam bukunya *Economic Integration in Southeast Asia* (2015) menjelaskan dengan cukup menarik tentang cabaran dan pencapaian ASEAN dalam mewujudkan kerjasama ekonomi sesama negara anggota. Antara kejayaannya ialah mewujudkan kerjasama perindustrian seperti projek baja di Aceh, projek industri tembaga di Filipina, projek ubat-ubatan di Singapura, AFTA dan lainnya. Dalam soal perdagangan juga, Kwan menyatakan negara-negara anggota mengutamakan perdagangan sesama negara anggota dan ini adalah strategi terbaik ASEAN untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara-negara anggotanya. Analisis Kwan tentang kejayaan ASEAN ini dilanjutkan lagi oleh Inama & Edmund dalam bukunya bertajuk *The foundation of the ASEAN Economic Community* (2015) membincangkan asas ASEAN untuk mewujudkan masyarakat ekonomi di rantau ini. Mereka menyatakan penubuhan AEC ini adalah sebagai cara ASEAN untuk meningkatkan daya saingnya bagi menyaingi Cina dan India untuk menarik pelabur asing. Penanaman modal asing di wilayah ini sangat diperlukan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan kesejahteraan hidup rakyat. Kata mereka, dengan AEC, maka ini membolehkan negara anggota menjual barang dan jasa dengan mudah ke negara-negara lain di seluruh Asia Tenggara. Bukan hanya itu, AEC juga membuka tenaga kerja profesional, seperti doktor, akauntan, dan lainnya ke negara-negara Asia Tenggara. Hasil kajian mereka mendapat pembukaan pasar tenaga kerja mendarangkan manfaat yang besar. Antaranya ialah menciptakan jutaan peluang pekerjaan, dan ini sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan 600 juta penduduk Asia Tenggara.

Sorotan di atas menunjukkan fokus kajian sarjana sebelum ini adalah kepada masalah dan cabaran ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau. Kebanyakan sarjana dalam kajian mereka berpendapat kekangan utama ASEAN adalah kerana negara-negara anggotanya tidak berjaya mendapat kata putus secara bersama dalam banyak hal disebabkan oleh empat perkara: jurang ekonomi antara negara anggota, perbezaan budaya dan agama, kedudukan geostrategik yang berbeza, dan kengganan negara untuk bertolak ansur apabila melibatkan kepentingan negara masing-masing. Selain itu, kajian terdahulu tentang ASEAN juga tidak membincangkan mengenai usaha ASEAN ke arah membentuk ASEAN Economic Community (AEC). Ini disebabkan oleh jangka masa kajian mereka yang umumnya terbatas setakat tahun 2012 sahaja. Tanpa menolak kelebihan yang dihasilkan oleh pengkaji terdahulu, kajian ini mengisi kelomongan yang tidak mereka tinggalkan. Antaranya adalah masalah dan pencapaian ASEAN sejak penubuhannya sehingga kini. Dengan menggunakan asas ini, maka tesis ini memberi manfaat yang baharu untuk ditambah dalam koleksi ilmu dalam konteks masalah dan pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan sangat penting dalam sebuah penelitian akademik kerana ia menentukan corak dapatan sesuatu kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah melakukan perancangan yang teliti untuk menjadikannya sebuah penyelidikan yang

dapat dipertanggungjawab secara akademik dan dapat menjawab persoalan kajian yang diajukan dalam tesis ini.

1.7.1 Reka Bentuk Kajian dan Unit Analisis

Bagi menganalisis cabaran dan pencapaian ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam analisisnya. Mengikut Babbie (2009:76), pendekatan kualitatif adalah suatu kaedah ilmiah yang menghasilkan penemuan dengan cara memahami sesuatu objek atau kes yang diselidiki tanpa memanipulasi data dan objek penelitian. Analisis kualitatif dalam kajian ini tidak sahaja memberikan deskripsi mengenai fenomena yang diteliti, tetapi juga membahaskan secara mendalam, menghuraikan, membincang dan menganalisis persoalan yang diteliti sehingga menghasilkan temuan yang terperinci dan objektif mengenai fenomena yang diperolehi di lapangan. Penggunaan dan pemanfaatan pendekatan ini dilandaskan kepada kemampuannya untuk menjawab pelbagai soalan dalam permasalahan kajian yang menggunakan prosedur penelitian deskriptif dan pada sumber-sumber yang diperolehi dari kata-kata tertulis sarjana lepas.

Sesuatu kajian itu memerlukan proses kajian yang dapat memudahkan sesuatu fakta itu dijelaskan secara terperinci dan melalui proses pemilihan data yang standard. Untuk itu pendekatan maupun teknik kajian yang digunakan amat berkesinambungan antara data dan fakta yang melalui proses kajian itu. Menurut Arbnor & Bjerke (2009:77):

You can never empirically or logically determine the best approach. This can only be done reflectively by considering a situation to be studied and your own opinion on life. This also means that even if you believe that one approach is more interesting or rewarding than another, we....do not want to rank one approach above another. In fact, we cannot on any general ground. The only thing we can do is to try make explicit the special characteristic on which the various approaches are based.

Pendekatan kualitatif sering disebut sebagai penelitian neutralistik kerana peneliti menghendaki kejadian-kejadian yang berkaitan dengan fokus yang alamiah. Bogdan & Taylor (2009:7) mendefinisikan kualitatif sebagai prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati. Lebih lanjut, mereka menjelaskan: “*qualitative research is more concerned with exploring a topic, and with inductively generating hypotheses and theories.*” Menurut Babbie (2009:68), metod dipergunakan untuk mengkaji gagasan atau produk pemikiran manusia yang dihuraikan dalam bentuk media cetak, sama ada yang berbentuk naskah atau sumber primer mahupun naskah sekunder dengan melakukan analisis kritikal terhadapnya. Analisis analitikal di sini

merupakan pengembangan dari metod deskriptif, iaitu metod yang berupaya untuk mendeskripsikan gagasan manusia tanpa suatu analisis yang bersifat kritikal.

Fokus kajian deskriptif analitis adalah berusaha untuk mendeskripsikan, membahas, dan mengkritik gagasan primer yang selanjutnya berhubung terus dengan sumber primer yang lain dalam usaha melakukan kajian yang berupa komparatif, hubungan, atau pengembangan model. Dalam penyelidikan ini, pendekatan tematik dilakukan dengan cara mendeskripsikan tindakan ASEAN dalam memastikan kerjasamanya mencapai matlamat yang ditetapkan. Kajian ini tidak hanya memberikan analisis deskriptif mengenai fenomena politik atau cabaran dan pencapaian ASEAN yang diteliti semata-mata, tetapi digunakan untuk menilai, menghurai dan membincangkan secara lengkap, terperinci dan mendalam mengenai maklumat yang diperolehi agar iaanya menjadi sebuah kajian ilmiah yang bermanfaat serta boleh dipertanggungjawabkan.

Pendekatan kualitatif memang sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai dalam kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, maka maklumat yang didapatkan lebih lengkap, mendalam, dan dapat dipercayai. Pendekatan dapat memenuhi maklumat yang berkaitan dengan perasaan, norma, nilai, keyakinan, kebiasaan, sikap mental, dan budaya yang dianut oleh seseorang mahupun sesuatu kelompok. Sehubungan itu, kajian ini dapat mengembangkan bagaimana proses kerjasama serantau berlangsung di kalangan negara-negara anggota sehingga mencapai matlamat penubuhannya. Kebaikan kaedah analisis kualitatif adalah pengkaji dapat menganalisis perkembangan ASEAN berdasarkan data yang telah tersedia supaya kualiti penyelidikan ini dapat dipertanggungjawabkan dan dipertahankan secara akademik.

1.7.2 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik mengumpul data yang melibatkan berberapa cara yang dapat memberikan kekuahan fakta dan penghuraian kajian. Menurut Bogdan & Taylor (2009:77), proses mengumpul data ini melibatkan empat cara iaitu melalui proses dokumen, temu bual, pemerhatian ikut serta, dan soal selidik. Dalam kajian ini, teknik kajian kualitatif digunakan kerana tajuk kajian ini mempunyai hubungan yang rapat dengan keempat-empat proses kajian yang dinyatakan di atas. Ini bersesuaian dengan pandangan Neuman (2012:134) berkenaan dengan kajian kualitatif, iaitu “*qualitative research is more concerned with exploring a topic, and with inductively generating hypotheses and theories. While this is often true, these stereotypes can be overdone.*”

Dari segi prosedur pengumpulan data, penyelidikan ini menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder. Data sekunder (*secondary source*) adalah tulisan yang dibuat atau berdasarkan hasil penyelidikan orang lain sama ada dalam bentuk buku, jurnal, laporan penyelidikan, tesis, disertasi, tulisan dalam bentuk tinjauan, ringkasan, kritikan, dan lain-lain berkait dengan isu dan fokus persoalan yang sedang

diselidik (Babbie 2009:65). Data sekunder diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, misalnya disertasi doktor falsafah dan tesis sarjana, jurnal ilmiah, dokumen dan laporan kerajaan, akhbar dan majalah yang berkaitan. Penyelidikan perpustakaan tersebut dilakukan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, dan pelbagai dokumen yang diperolehi secara peribadi daripada pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri—tempat bertugas penyelidik.

Pengumpulan data dalam kajian ini juga melibatkan kajian dokumen. Dokumen dikategorikan sebagai sumber sekunder yang mana ianya dapat menguatkan ataupun menjelaskan secara lebih terperinci tentang kekurangan yang terdapat dalam sumber primer. Ini merangkumi semua jenis dokumen sama ada ianya dokumen yang telah dikumpulkan, diasingkan, diproses ataupun apa saja data yang belum diproses dan ianya boleh dipertimbangkan sebagai data yang mempunyai asas kepada sesuatu kajian.

Pemilihan sumber dokumen ini adalah melalui pelbagai sumber sama ada melalui *library-based*, *computer-based*, *work-based*, *policy-based* dan juga *historical orientation* (Babbie 2009:124). Beliau menyatakan kajian bibliografi atau perpustakaan adalah segala usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat yang relevan dengan topik atau masalah yang akan atau sedang diselidiki. Maklumat tersebut boleh didapati dan diperolehi dari buku-buku ilmiah, laporan penyelidikan, karangan ilmiah, tesis dan disertasi, peraturan-peraturan, ketetapan-ketetapan, buku tahunan, ensiklopedia, dan sumber-sumber bertulis baik bercetak maupun elektronik lain.

